

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status sekolah-sekolah Tamil yang masih dalam pembinaan. Bilakah sekolah-sekolah ini dijangka siap keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran murid di semua sekolah seluruh negara.

Sehingga 30 Jun 2020, empat projek sekolah kerajaan bagi kategori Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), yang dibiayai melalui peruntukan pembangunan, berada dalam fasa pembinaan. Projek ini merangkumi pelbagai skop pembinaan seperti bilik darjah, blok pentadbiran, bilik komputer, bilik sains, kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU), makmal dan kemudahan lain. Projek-projek berkenaan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2021.

Senarai projek tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Pembinaan Baharu SJKT Bandar Sri Alam, Pasir Gudang, Johor.
- 2) Pembinaan Baharu SJKT Taman PJS 1, Petaling, Selangor.
- 3) Pembinaan Gantian Penuh di tapak baharu SJKT Jalan Tajul, Johor.
- 4) Pembinaan Gantian Penuh di tapak baharu SJKT Gunung Rapat, Ipoh, Perak.

Bagi tujuan pembinaan sekolah gantian dan pembinaan blok tambahan untuk Sekolah Bantuan Kerajaan sedia ada, Kerajaan menyediakan peruntukan secara *one-off* melalui Pakej Rangsangan Khas, 2012-2014. Di bawah Pakej Rangsangan Khas ini, terdapat 19 projek pembinaan gantian penuh dan 18 projek pembinaan blok tambahan bagi SJKT.

Sehingga 30 Jun 2020, 11 projek pembinaan gantian penuh SJKT telah siap sepenuhnya dan lapan projek masih di dalam pembinaan. Senarai projek dalam pembinaan dan jangkaan tarikh siap adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Jangkaan Tarikh Siap
1.	SJKT Regent, Gemencheh, Negeri Sembilan.	Oktober 2020
2.	SJKT Ladang Sungai Reyla, Perak.	Disember 2020
3.	SJKT Ladang Blue Valley, Pahang.	Disember 2020
4.	SJKT Ladang Seafield, Petaling Perdana, Selangor	Disember 2020
5.	SJKT Ladang Brauston, Selangor	Oktober 2020
6.	SJKT Ladang Pertang, Negeri Sembilan	Disember 2020
7.	SJKT Ladang Jeram, Pahang	Jun 2021
8.	SJKT Ladang Minyak, Serendah Hulu, Selangor	Ogos 2021

NO. SOALAN : 35

Di samping itu, sebanyak 10 projek pembinaan blok tambahan bagi SJKT di bawah Pakej Rangsangan Khas telah siap sepenuhnya dan lapan lagi projek masih dalam fasa pembinaan. Jangkaan tarikh siap lapan sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Jangkaan Tarikh Siap
1.	SJKT Kuala Terla, Pahang	Disember 2020
2.	SJKT Ladang Sg. Kawang, Pahang	Oktober 2020
3.	SJKT Ladang Effingham, Petaling Utama, Selangor	Disember 2020
4.	SJKT Ladang Kalumpang, Selangor	Disember 2020
5.	SJKT Ladang Thamboosamy, Kuala Lumpur	Oktober 2020
6.	SJKT Ladang St. Helier, Negeri Sembilan	Disember 2020
7.	SJKT Ladang Sagga, Negeri Sembilan	Disember 2020
8.	SJKT Ladang Bukit Jalil, Selangor	September 2020

Sekian, terima kasih.